

16 APR 1998

Penaja/BI

ACARA TARIK PELANCONG DI LANGKAWI TERJEJAS KERANA MASALAH PENAJA

LANGKAWI, 16 April (Bernama) -- Banyak acara yang dijadualkan untuk menarik pelancong ke Langkawi mungkin terjejas kerana bakal penaja masih belum memberi jawapan positif.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Datuk Abdul Halil Mutalib berkata disebabkan oleh kelembapan ekonomi banyak penaja yang kebanyakannya dari sektor swasta masih belum menjawab permintaan tajaan LADA.

Bagaimanapun, beliau memberitahu pemberita di pejabatnya di sini hari ini, LADA masih boleh meneruskan 12 acara yang dijadualkan dalam tahun ini sekiranya tidak ada halangan lain.

Antaranya ialah Badminton Terbuka Jemputan Langkawi (Jun), Pameran Lukisan Langkawi (Julai), Safari Memancing Antarabangsa Langkawi (Ogos), Pesta Sukan Pantai Langkawi (Nov), Kejohanan Jet Ski (November), Kejohanan Bola Tampar (Dis), Kejohanan Tenis Ringan Kedua Malaysia (Disember) dan Pesta Penerbangan Langkawi (Disember).

Abdul Halil berkata LADA ada menerima beberapa cadangan untuk menganjurkan Perlumbaan Bot Naga tetapi masih belum menerima jawapan positif dari sektor swasta walaupun Langkawi mempunyai kemudahan untuk acara itu.

Beliau juga menyatakan kekecewaan LADA kerana ada hotel-hotel tertentu di sini yang menjalankan promosi mereka sendiri dan tidak melibat lembaga itu dan juga yang lain yang berkaitan seperti industri pelancongan.

Katanya walaupun terdapat persaingan yang sengit antara hotel-hotel di sini terdapat keperluan untuk mempromosikan pulau peranginan itu secara bersama khususnya ke pasaran-pasaran yang masih belum diterokai seperti Amerika Syarikat, China dan Timur Tengah.

Sementara itu, Abdul Halil juga berkata pengurusan hotel-hotel hanya boleh menyalahkan diri mereka sendiri di atas penurunan kadar penginapan kerana menaikkan harga bilik sewaktu pertumbuhan ekonomi tinggi walaupun Perdana Menteri Datuk Seri DR Mahathir Mohamad sebelumnya telah meminta mereka menjual bilik dengan harga yang berpatutan.

Ini telah menjejaskan usaha-usaha kerajaan pusat untuk mempromosikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang utama, katanya.

Katanta sewaktu mengemukakan cadangan untuk membina hotelm para pelabur itu telah meletakkan harga bilik antara RM50 hingga RM80 tetapi apabila hotel siap mereka mengenai kadar antara RM120 hingga RM160.

Abdul Halil berkata pelancong memang datang tetapi apabila mereka terpaksa membayar sewa bilik dan makanan yang mahal, pelancong ini mungkin tidak datang lagi walaupun hotel-hotel telah menurun kadar sewa bilik sehingga 50 peratus.

"Bagaimanapun semuanya sudah rosak, kerana sudah tentu ada pelancong-pelancong yang tidak percaya kadar serendah sekarang kerana mereka "ditipu" sebelum ini.

Abdul Halil juga berkata sebuah pusat penaja yang boleh menampung 400 penaja akan dibina dalam usaha LADA untuk menjadikan Langkawi sebuah pusat pelancongan yang menawarkan perkhidmatan dan makanan berkualiti tinggi.

-- BERNAMA

NH WAT